

17/11/1997

Chirac tiba di Langkawi

LANGKAWI, Ahad - Presiden Perancis Jacques Chirac tiba di pulau legenda Langkawi hari ini untuk mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat dengan pesawat rasmi presiden pada jam 6.20 petang ini, disambut oleh Dr Mahathir.

Beliau berada di Malaysia untuk lawatan kerja dua hari selepas menghadiri persidangan kemuncak negara-negara berbahasa Perancis di Hanoi, Vietnam. Turut mengiringi beliau ialah Menteri Luar, Hubert Vedrine.

Chirac dan Dr Mahathir dijadualkan mengadakan pertemuan pagi esok di sebuah pusat peranginan tempat presiden itu menginap.

Lawatan Chirac dibayangi kontroversi siasatan Amerika Syarikat terhadap sebuah syarikat dari negaranya dan syarikat petroleum nasional, Petronas kerana melabur dalam projek gas di Iran.

Seorang pegawai Amerika, William Ramsay, dijangka tiba di sini minggu depan untuk menjalankan siasatan terhadap perjanjian usaha sama bernilai AS\$2 bilion (RM6.6 bilion) antara Petronas, Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Russia yang didakwa Amerika sebagai melanggar Akta Sekatan Iran-Libya.

Pegawai-pegawai berkata, kedua-dua pemimpin itu dijangka berbincang isu-isu dua hala dan antarabangsa, termasuk isu pelaburan di Iran itu.

Kedua-dua pemimpin berkenaan juga dijangka mengadakan sidang akhbar bersama selepas rundingan mereka esok.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dijangka mengunjungi Chirac, esok.

Malam ini, Dr Mahathir akan menganjurkan satu majlis makan malam bagi meraikan Presiden Perancis itu.

(END)